

# **BAB PERTAMA**

## **- PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Kajian ini akan membincangkan tentang Pengajaran dan Pembelajaran( P&P) ilmu sintaksis bahasa Arab di Sekolah Agama Menengah Bestari Jabatan Agama Islam Selangor (J.A.I.S), USJ Jalan 5/3A, 47610, Subang Jaya, Selangor. Kajian ini turut menyentuh pelbagai aspek lain yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran sintaksis bahasa Arab, penggunaan bahan-bahan bantu mengajar, persediaan pengajaran oleh guru, kemahiran pelajar memahami, menguasai dan mengaplikasi dengan baik, seterusnya kemahiran aplikasi Information of Communication Technology (I.C.T) di dalam Pengajaran dan Pembelajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

### **1.2 Latar Belakang Masalah**

Dalam usaha meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab di kalangan para guru dan pelajar, ada beberapa permasalahan yang timbul dan memberi impak negatif kepada Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab. Di antara masalah tersebut ialah kelemahan pelajar menguasai dengan baik ilmu sintaksis bahasa Arab.

Ilmu sintaksis bahasa Arab merupakan satu aspek penting kepada seseorang pengajar atau pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Kegagalan pelajar memahami

dan menguasai sepenuhnya ilmu sintaksis bahasa Arab akan memberi impak negatif kepada kebolehan menulis, membaca dan berkomunikasi dengan baik di dalam bahasa Arab. Kelemahan ketara yang sering berlaku di kalangan pelajar ialah kekeliruan penggunaan wazan-wazan yang bersesuaian dalam konteks ayat, penyesuaian antara gantinama dengan kata kerja kala lampau ( **الْفِعْلُ الْمَاضِي** ), kata kerja kala kini ( **الْفِعْلُ الْمَضَارِعُ** ) dan kata kerja perintah ( **فِعْلُ الْأَمْرِ** ).

Selain dari itu, kaedah pengajaran guru yang tidak efektif menjadikan pelajar kurang memahami subjek yang dipelajarinya dan akhirnya penguasaan sintaksis bahasa Arab menjadi merosot dan lemah. Kesannya, rasa jemu dan tidak berminat terhadap bahasa Arab akan menebal terhadap diri mereka dan akibatnya ramai pelajar tidak mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan mata pelajaran bahasa Arab. Ketiadaan data lengkap mengenai Pengajaran dan Pembelajaran ilmu sintaksis di sekolah menjadi satu sebab kepada penulis untuk menjalankan kajian ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini akan cuba mengkaji serta menganalisis masalah-masalah yang sebenarnya berlaku dalam proses pengajaran sintaksis di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S Subang Jaya, Selangor.

Secara spesifik objektif kajian ini seperti berikut :

- i. Mengkaji strategi pengajaran sintaksis bahasa Arab yang diamalkan oleh guru-guru berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (R.P.H) dan Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T).

- ii. Mengkaji kadar celik Information of Communication Technology (I.C.T) di kalangan guru dan murid serta penggunaannya ketika mengajar.
- iii. Melihat secara lebih dekat perjalanan pengajaran sintaksis bahasa Arab di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.
- iv. Mengumpulkan data dan maklumat mengenai pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab secara amnya dan ilmu sintaksis bahasa Arab secara khusus di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.
- v. Mengumpulkan permasalahan yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan murid dalam proses pengajaran dan pemahaman ilmu sintaksis bahasa Arab.
- vi. Mencadangkan pendekatan dan penyelesaian yang sesuai untuk menjadikan proses Pengajaran dan Pembelajaran ilmu sintaksis bahasa Arab lebih efisien dan efektif.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk mengesan dan menghurai beberapa perkara penting yang berikut :

- i. Kajian ini akan menjadi satu data atau bahan rujukan utama kepada pihak Bahagian Pendidikan J.A.I.S. atau mana-mana pihak yang ingin mengkaji pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab di Sekolah Agama Bestari J.A.I.S.
- ii. Kajian ini akan menentukan tahap kualiti pengajaran guru dan kemahiran pelajar menguasai sintaksis bahasa Arab
- iii. Hasil dari kajian ini, penulis akan mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.

- iv. Kajian ini akan menunjukkan kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan proses Pengajaran dan Pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.

## **1.5 Limitasi Kajian**

Ruang lingkup kajian ini akan memberikan tumpuan kepada beberapa perkara utama, iaitu:

- i. Konsep Sekolah Bestari acuan Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M) dan konsep Sekolah Bestari tajaan Jabatan Agama Islam Selangor (J.A.I.S).
- ii. Kaedah pedagogi ilmu sintaksis bahasa Arab yang diamalkan oleh guru-guru bahasa Arab di Sek.Agama Men. Bestari J.A.I.S dan Bahan Bantu Mengajar (B.B.M ) yang digunakan.
- iii. Pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab di kalangan pelajar di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.

Kajian ini tidak menumpukan secara panjang lebar berkenaan sejarah sekolah, lokasi dan struktur organisasi. Pengajaran bahasa Arab secara am turut kurang dibincangkan dengan detail kerana telah terdapat banyak kajian berkenaan dengannya. Kajian ini turut melibatkan lapan orang tenaga pengajar dan seratus orang pelajar yang dipilih dari tingkatan satu hingga tingkatan lima sebagai subjek atau sampel kajian.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini cuba membentangkan hipotesis bahawa pencapaian murid belum sampai kepada tahap maksima dan mereka masih belum memahami serta menguasai dengan baik terhadap topik-topik sintaksis bahasa Arab yang terdapat di dalam sukatan pelajaran sintaksis bahasa Arab di Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S.

## 1.7 Metodologi Kajian

Untuk mencapai matlamat dan objektif kajian, penulis telah melaksanakan metodologi penyelidikan seperti berikut:

- i. Kajian perpustakaan, iaitu penulis telah cuba mengumpulkan maklumat dan bahan rujukan daripada buku, jurnal, artikel, tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian.
- ii. Kajian lapangan, iaitu pengkaji menggunakan pendekatan melalui soal selidik, temubual terhadap guru-guru bahasa Arab dan murid seterusnya pemerhatian seperti berikut:

### a) Soal selidik.

Soal selidik dilakukan ke atas guru bahasa Arab seramai lapan orang dan seratus orang pelajar mengikut setiap tingkatan, iaitu :

- i: Tingkatan Menengah Rendah : Ting. 1,2 & 3.
- ii: Tingkatan Menengah Tinggi : Ting. 4 & 5.

Borang Soal Selidik merangkumi elemen-elemen berikut :

- i: Maklumat peribadi responden.
- ii: Maklumat Pengajaran dan Pembelajaran ilmu sintaksis bahasa Arab.
- iii: Maklumat Bahan Bantu Mengajar (B.B.M).

b) Temubual

Temubual dijalankan ke atas guru-guru bahasa Arab dan murid-murid serta pihak pentadbiran pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Pandangan dan pendapat mereka dijadikan sebagai sokongan kepada hasil soal selidik yang dijalankan, seterusnya penulis akan merumus secara umum pandangan dan pendapat mereka.

c) Pemerhatian umum.

Pemerhatian umum yang dijalankan berdasarkan kepada keputusan-keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M), Peperiksaan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (P.M.R) dan Peperiksaan Sijil Agama (S.M.A). Penulis akan menilai dan merumus hasil dari kajian terhadap keputusan-keputusan peperiksaan tersebut.

- iii. Kajian tidak menggunakan proses ujian kepada pelajar kerana penumpuan dan tujuan kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat pengajaran sintaksis B.Arab dan bukannya menguji tahap penguasaan murid.
- iv. Analisis Data digabungkan dengan Pengajaran dan Pembelajaran Sintaksis B.Arab dalam satu bab kerana Analisis Data tersebut juga adalah merupakan satu maklumat.

## 1.8 Tinjauan Kajian Berkaitan

Penulis telah melihat dan membuat tinjauan kepada kajian-kajian lepas seperti tesis, kertas kerja, buku dan sebagainya yang berkaitan dengan pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab terhadap pelajar di sekolah-sekolah agama.

Ahmad Fikri bin Hj. Hussin ( Majalah Pengajian Arab Fakulti Bahasa dan Linguistik, Januari 1993 : 83- 89 ) telah menulis artikel bertajuk “Pertuturan dan Kepentingannya Kepada Pelajar Bahasa Arab”. Beliau juga telah memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab di kalangan para pelajar seperti berikut:

- i. Pendedahan kepada topik-topik yang ada kaitan dengan alam sekeliling pelajar akan membantu pelajar menguasai bahasa .
- ii. Penggunaan alat-alat sebaran am seperti radio, kaset dan sebagainya dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan.
- iii. Menonton filem-filem bahasa Arab dan siaran-siarannya juga menolong pelajar cepat menguasai bahasa Arab.

Disertasi “Pengajaran Bahasa Arab Pelajar Melayu: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri (Y.P.T.I.K) Dengan Akademi Islam Universiti Malaya (A.I.U.M)” oleh Hj. Mohamed bin Hj.Abd. Rahim (1994) banyak membincangkan berkenaan pengajaran nahu bahasa Arab di sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (Y.I.K). Beliau telah membuat beberapa cadangan positif bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut dengan menyarankan supaya sukatan pelajaran bahasa Arab dikaji semula, tenaga pengajar dan pelajar serta kaedah

pengajaran perlu disemak semula dan mengambil satu pendekatan yang lebih efektif untuk pengajaran bahasa Arab.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Muhamad bin Awang ( 1995 ) tentang “Sikap dan Amalan Guru Dalam Kaedah Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah” telah memaparkan sikap dan pendekatan guru bahasa Arab ketika melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab. Kebanyakan mereka mengambil pendekatan tersendiri tanpa mengambil kira pendekatan-pendekatan yang telah disarankan serta dicadangkan oleh pakar-pakar pendidikan linguistik. Guru-guru lebih berminat menggunakan kaedah gabung jalin dalam pengajaran mereka.

Muhammad bin Mustafa ( 1995 ) telah membuat kaji selidik mengenai “Masalah Dalam Pengajaran Nahu Arab”. Beliau juga telah mengemukakan beberapa pendapat berkenaan kerumitan belajar bahasa Arab dengan dakwaan mereka bahawa ilmu sintaksis bahasa Arab merupakan satu ilmu yang unik dan sangat komplikated serta berbelit-belit, sama ada dari aspek struktur ayat, sistem makna, sistem perubahan baris dan kalimah dalam ayat serta hukum-hukum ‘irab. Beliau turut menyatakan tahap kemampuan pelajar dalam penguasaan bahasa Inggeris lebih baik berbanding dengan bahasa Arab, walaupun kedua-duanya bukan merupakan bahasa ibunda kepada para pelajar.

Rusdi bin Arifin ( 1998) telah membuat kajian “Kesilapan Penggunaan Kata Sifat Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar Sek.Men.Agama”, beliau mendapati bahawa ramai pelajar masih melakukan kesilapan di dalam penggunaan sifat nama ( الصِّفَةُ وَ ) di dalam ayat-ayat yang mereka bina.



Che Kamarudin Kamal bin Che Muhammad (1999:U.M.) telah menyentuh berkenaan “Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Ugama Arab”. Beliau telah mengkaji dan menyingkap permasalahan yang dihadapi oleh jentera pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, iaitu guru, pelajar dan komuniti atau stakeholder luar sekolah.

Di antara cadangan yang diutarakan oleh beliau ialah :

i. Pelajar

Mereka mestilah berusaha dan banyak membuat latihan tubi, di samping mendekati guru bagi menyelesaikan topik-topik yang tidak difahami. Selain dari itu, mereka juga perlu menghafal dan mengingat fakta-fakta penting serta membuat nota dengan baik.

ii. Guru

Guru bahasa Arab mesti mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab yang sewajarnya. Guru juga mesti menggunakan bahasa Arab di dalam kelas, melihat kelemahan pelajar dan sentiasa memberi tunjuk ajar serta motivasi kepada pelajar.

iii. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (P.I.B.G)

Pihak P.I.B.G. perlu memainkan peranan dengan sebaik yang mungkin dan peka dengan keperluan murid-murid serta sekolah. P.I.B.G. juga perlu memberi bantuan kewangan untuk melancarkan pembelajaran di sekolah, menambah buku-buku dan sebagainya.

iv. Persatuan Bahasa Arab

Persatuan Bahasa Arab bertanggungjawab membuat program-program dan aktiviti-aktiviti yang membantu perkembangan bahasa Arab seperti minggu bahasa Arab, kuiz dan sebagainya.

v. Pihak pentadbiran

Pihak pentadbiran sama ada di peringkat negeri seperti Jabatan Pendidikan Negeri (J.P.N) atau persekutuan, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M) dan peringkat sekolah perlu mengambil langkah-langkah positif untuk meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab di sekolah-sekolah.

Abdul Rahman Musa Abkar merupakan seorang pensyarah di Universiti Imam Muhammad Saud cawangan Jakarta dalam kuliahnya bertajuk Metodologi Pengajaran Nahu (Turuq al-Tadris al-Nahw/طرق التدريس النحوي) telah memberikan beberapa cadangan untuk menjadikan proses Pengajaran dan Pembelajaran ilmu sintaksis bahasa Arab dapat berjalan dengan baik khususnya untuk masyarakat Melayu. Pendedahan secara berperingkat sedikit demi sedikit dan berkala perlu dilakukan supaya pengajaran tidak memenatkan dan membebankan kepada pelajar. Teknik dan strategi juga perlu diubah dan disesuaikan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian murid dari segi budaya, tempat dan pengetahuan yang sedia ada.

Jasem Ali Jasem dalam penulisan artikelnya bertajuk Metodologi Pengajaran Qawaid Untuk Bukan Penutur Bahasa Arab (Tarīqat T'ālm al-Qawā'id lil Ghair al-Nātiqīn Bi al-Lughat al-'Arabiyyat /طريقة تعليم القواعد لغير الناطقين باللغة العربية) telah menguatarakan permasalahan yang sama, iaitu berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab. Beliau telah mengesyorkan satu teknik yang mudah dan berkesan serta menarik minat para pelajar untuk terus mempelajari dan berusaha mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab, iaitu dengan menggunakan teknik lakonan. Dengan melakukan sesuatu lakonan, pelajar akan menggunakan segala kemahiran anggota luaran dan pemikiran mereka. Lakonan juga menjadikan pelajar berasa terhibur dan

tiada tekanan di dalam menjalani proses P& P bahasa Arab dan di akhir pengajaran pelajar dapat memahami kaedah sintaksis secara langsung tanpa menghafal atau merasa jemu dan bosan.

Arif Karkhi Abu Khudairi ( Majalah Pengajian Bahasa Arab , U.M. : 8-25 ) telah menerangkan dengan kupasan dan huraian yang menyeluruh berkenaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Untuk Orang-Orang Melayu. Beliau berbuat demikian adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat umum tentang peri pentingnya mempelajari bahasa Arab. Ia juga bertujuan untuk menyedarkan guru-guru bahasa Arab tentang keistimewaan bahasa tersebut, di samping mendedahkan kepada mereka teknik-teknik pengajaran bahasa Arab yang berkesan kepada masyarakat Melayu. Beliau berpendapat ada empat aspek penting yang perlu diperhatikan dalam usaha memperluaskan bidang pengajaran bahasa Arab, iaitu :

- i. Menfokuskan kepada tahap bahasa Arab standard ( fusha).
- ii. Pengajaran bahasa Arab melalui pendekatan Islam.
- iii. Menitikberatkan kepada kemahiran bertutur.
- iv. Memperbanyakkan latihan bahasa seperti latihan menyebut dengan betul dan menggunakan gaya bahasa Arab di dalam situasi yang berbeza-beza.

Daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para pencinta bahasa Arab, penulis mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia belum lagi mendapat satu formula lengkap tentang cara dan gaya pengajaran yang benar-benar efisien dan efektif, lantaran memberi kesan positif yang maksima kepada para pelajar. Perkara ini harus diambil kira dengan serius oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia ( K.P.M ).

## 1.9 Instrumentasi

Dalam kajian ini, penulis menggunakan beberapa instrumen utama bagi mendapatkan maklumat untuk mengupas dan menyingkap persoalan-persoalan kajian. Bahan-bahan tersebut dinyatakan seperti berikut :

- i. Buku Teks Pengajaran Sintaksis Bahasa Arab Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.(K.B.S.M).
  - a. Buku Teks Bahasa Arab Tinggi tingkatan empat.  
Tahap isi kandungan buku teks ini lebih rendah dan mudah berbanding dengan sukatan pelajaran tingkatan lima. Ia mengandungi tajuk-tajuk asas dalam ilmu sintaksis bahasa Arab.
  - b. Buku Teks Bahasa Arab Tinggi tingkatan lima.  
Topik-topik pengajaran ilmu sintaksis bahasa Arab di dalam buku ini merupakan kesinambngan daripada tingkatan empat.
  
- ii. Buku Teks Pengajaran Sintaksis Bahasa Arab Sukatan Al-Azhar.
  - a. Buku Teks Nahu sukatan Al-Azhar tingkatan satu.  
Buku teks bagi tingkatan satu adalah lebih mudah dan sebagai asas berbanding dengan buku tingkatan dua, tiga dan empat, kerana pelajar tersebut baru melepasi sekolah rendah di tahun enam.
  - b. Buku Teks Nahu sukatan Al-Azhar tingkatan dua.  
Buku teks ini membincang tajuk-tajuk ilmu sintaksis bahasa Arab yang lebih tinggi sedikit berbanding tingkatan satu.

- c. Buku Teks Nahu sukatan Al-Azhar tingkatan tiga..  
Buku teks tingkatan tiga ini merupakan kesinambungan dari topik-topik yang telah diajar di tingkatan satu dan dua.
- d. Buku Teks Nahu tingkatan empat.  
Buku teks ini digunakan untuk peperiksaan Sijil Menengah Agama (S.M.A) peringkat negeri Selangor sahaja.

Buku teks Sukatan Al-Azhar ini disusun oleh ahli jawatankuasa khas yang telah dilantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor Bahagian Pendidikan. Ia adalah rumusan daripada sukatan pelajaran nahu sekolah menengah Al-Azhar Republik Arab of Egypt.

iii. Buku Kerja Sintaksis Bahasa Arab.

Pada kebiasaannya buku-buku kerja atau buku latihan akan ditempah oleh guru Ketua Panitia Bahasa Arab daripada para pembekal. Buku kerja yang digunakan oleh guru bahasa Arab S.A.M. Bestari J.A.I.S. seperti berikut :

- a) Buku Kerja Bahasa Arab Tingkatan satu.
- b) Buku Kerja Bahasa Arab Tingkatan dua.
- c) Buku Kerja Bahasa Arab Tingkatan tiga.
- d) Buku Kerja Bahasa Arab Tingkatan empat.
- e) Buku Kerja Bahasa Arab Tingkatan lima. :

## 1.10 Rangka Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan membahagikan disertasi ini kepada enam bab, iaitu :

i. Bab Pertama.

Bab ini mengandungi pengenalan, latar belakang masalah, objektif kajian, kepentingan, metodologi dan limitasi kajian, hipotesis, instrumentasi kajian, tinjauan kajian-kajian lampau yang berkaitan daripada para pengkaji bahasa Arab dan rangka kajian.

ii. Bab Kedua.

Bab Kedua penulis menumpukan kepada aspek Pendidikan Sistem Bestari di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M) secara menyeluruh, iaitu konsep dan latar belakang Sekolah Bestari Malaysia, objektif pelaksanaan sistem Sekolah Bestari dan dasarnya serta dokumen-dokumen penting yang berkaitan dengan Sekolah Bestari, konsep pedagogi, metodologi dan pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran di Sekolah Bestari, faktor-faktor yang menentukan kejayaan pelaksanaan sistem Pendidikan Bestari. Selain daripada itu, penulis menyatakan ciri-ciri pelajar bestari dan 'invironment' Sekolah Bestari, sistem pengurusan dan senarai nama-nama Sekolah Bestari di seluruh Malaysia.

iii. Bab Ketiga.

Dalam Bab Ketiga kajian menjurus kepada pelaksanaan sistem Pendidikan Bestari di sekolah-sekolah agama di bawah tajaan J.A.I.S., Falsafah Pendidikan J.A.I.S, visi dan misi pendidikan J.A.I.S., pendidikan dan konsep serta misi serta visi Sekolah Bestari J.A.I.S., dasar dan objektif serta kurikulum dan juga ko-kurikulum Pendidikan Bestari J.A.I.S, Pengajaran & Pembelajaran Bestari serta strateginya, pelan tindakan perancangan J.A.I.S, pengurusan Sekolah Bestari J.A.I.S.

iv. Bab Keempat.

Bab Keempat penulis akan menerangkan pengajaran B. Arab di Malaysia, selayang pandang sejarah Sek. Agama Men. Bestari, pengajaran B.Arab dan sintaksis B.Arab di S.A.M. Bestari, metodologi pengajaran dan data maklumat instrumen serta topik pengajaran sintaksis, strategi pengajaran dan jadual waktu guru, topik-topik dalam sukatan pelajaran sintaksis B. Arab bagi setiap tingkatan dan seterusnya dapatan kajian melalui metod yang digunakan oleh penulis.

v. Bab Kelima.

Di dalam bab ini, penulis menerangkan kesimpulan serta cadangan secara spesifik dan generik hasil dari dapatan kajian yang telah dilaksanakan.